

## TIDAK HANTAR PESERTA

# Pesaka buat kesilapan besar

B. Harian (M)

- 4 MAR 1988

Oleh MOHD RAHIME

KEGAGALAN Persekutuan Silat Kebangsaan (Pesaka) mengemuka pencalonan pesilatnya dalam Anugerah Sukan Negara '87 di Stadium Negara pada 12 Mac ini dianggap satu kesilapan besar dalam pentadbiran persatuan itu. **PECAK/SILAT**

Seorang pegawai sebuah pertubuhan silat yang bergabung dengan Pesaka berkata, perkara ini sepatutnya tidak berlaku kerana persatuan ini diiktiraf oleh Majlis Sukan Negara (MSN).


Menurut beliau, kejayaan tiga pesilat kebangsaan dalam

Kejuaraan Silat Sedunia di Kuala Lumpur Disember lalu sepatutnya membuka mata pegawai Pesaka untuk pencalonan bagi anugerah ini.

Ketiga-tiga pesilat itu ialah Wan Aminuddin Baki Abu Bakar (Pesilat Terbaik Dunia), Ahmad Wardi Salim dan Ahmad Fauzi Othman.

Beliau menyifatkan kegagalan Pesaka menghantar pencalonan sebagai amat mengecewakan.

"Ini satu kesilapan yang tidak boleh dimaafkan. Ia juga menunjukkan bahawa pentadbiran Pesaka amat lemah," kata beliau.



■ WAN AMINUDDIN

## Silat dan takraw ke Libya

B. Harian (M)

15 MAR 1988

SEGAMAT, Isnin — Silat olahraga dan sepak takraw akan diperkenalkan di Libya tahun ini.

Setiausaha Politik kepada Menteri Belia dan Sukan, Encik Ahmad Zaid Hamadi, berkata dalam perjumpaan dua hala di bidang sukan yang ditandatangani antara Malaysia dan Libya baru-baru ini, negara tersebut memperkenalkan silat olahraga dan sepak takraw di negara itu mulai tahun ini.

Sebagai balasan, Libya akan memperkenalkan dua sukannya iaitu hoki padang pasir dan layang-layang gurun, katanya ketika merasmikan mesyuarat agung Persatuan Gasing Negeri Johor (PGNJ) di Kelab Jabatan Kerja Raya (JKR) daerah ini.

Encik Ahmad Zaid juga menyasarkan Persatuan Gasing Malaysia (Pagama) mengadakan permainan gasing di Pesta Mingguan Kuala Lumpur yang diadakan setiap Sabtu.

■ PERSATUAN Silat Harimau Johor (PSHJ) meminta Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) menerima persatuan itu sebagai anggotanya untuk membolehkan ahlinya menyertai kejohanan yang dianjurkan, lapor **NORAZMI TALIB**.

Pengasas dan guru silat itu, Isnin Chek, berkata PSHJ kecewa tidak berpeluang bertanding dalam kejohanan silat yang diadakan sama ada di peringkat negeri atau kebangsaan. **B. Harian (M)**

"Persatuan ini mempunyai ramai pesilat yang boleh diketengahkan untuk mewakili negara di kejohanan silat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, PSHJ mempunyai 300 ahli yang berlatih di empat gelanggang di Ladang Ulu Tiram, Felda Ulu Tebrau, Kampung Oren dan Taman Bukit Tiram, Johor Bahru.

Ahli persatuan itu adalah pelajar sekolah, penoreka, pakerja ladang dan kakitangan kerajaan.

Katanya, pesilat berkenaan diberikan latihan jurus langkah, tari, silat seni dan olahraga.

"Saya melatih mereka mengenai olahraga silat dengan berpandukan kepada buku kejohanan silat sebagai persiapan untuk pertandingan," katanya.

Beliau kecewa ada pesilat negara gagal dalam kejohanan silat antarabangsa terutama tiada tindak balas apabila kaki dipegang oleh lawan.

"Peserta silat ini sepatutnya bertindak balas dengan cepat untuk menjatuhkan lawan walaupun kaki sedang dipegang," katanya.

Isnin berharap hasrat PSHJ akan mendapat sokongan daripada Pesaka untuk memberi peluang pasukan itu menjadi ahli gabungan dan menyertai kejohanan yang diadakan. **15 MAR 1988**